

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 49 RABU 9 DISEMBER 1970

1390 رابو 9 شوال PERCHUMA



Gambar atas: Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang di-zirahi oleh salah sa-orang pegawai kerajaan yang telah mengalu2kan Keberangkatan tiba baginda dan rombongan di-lapangan terbang Berakas. Di- kiri sekali ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin. Sementara gambar kanan: D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah kelihatan di-alu2kan oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha (di-kiri sekali).

Hilang sejak 27 Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Johor bin Haji Ali, berumur 23 tahun telah di-beritakan hilang dari rumah-nya di-Kampung Madang di-Jalan Berakas, dekat Bandar Seri Begawan.

Kali terakhir Johor di-lihat ia-lah pada jam 3.00 petang 27 Nobember. Dia hanya memakai seluar pendek.

Pihak polis yang telah di-beritahu akan keadaan-nya sedang menjalankan gerakan menchari.

Fulis menyeru orang ramai supaya melaporkan kepada balai polis yang berhampiran jika mereka menjumpai Johor.



Perkhidmatan talipon di-Pekan Tutong di-perbaiki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Talikom akan mengadakan Duct Scheme atau kebal2 talipon di-bawah tanah di-Pekan Tutong dalam tahun depan.

Tawaran bagi kerja2 pemasangan scheme itu sedang dipelawa dan akan di-tutup pada 5 Januari, 1971.

Kerja2 itu melibatkan pemasangan kira2 17,600 ela

P.V.C. Duct yang berukuran 3½ inci dan 7900 ela yang berukuran 2 inci serta pembenaan lobang2 pemereksaan ka-saloran di-bawah tanah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Talikom berkata, rancangan itu akan memberikan kemudahan perkhidmatan talipon melalui kebal yang baru di-kawasan itu.

Juruchakap itu juga menyatakan bahawa sa-buah bangunan ibu sa-

wat talipon akan di-bena awal tahun depan bagi menggantikan bangunan yang ada sekarang.

Bangunan itu akan di-reka oleh akitek2 Jabatan Kerja Raya.

Bangunan itu akan di-lengkapi dengan ibu sawat talipon automatik yang kecil.

Juruchakap itu menambakkata, alat2 perkakas tersebut telah dipesan dan akan di-kirim ka-Brunei pada awal tahun depan.

Alat2 perkakas ibu sawat talipon itu akan di-pasang dan diawasi oleh kaki-tangan jabatan itu.

D. Y. M. M. SELAMAT PULANG DARI LONDON

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, telah selamat berangkat tiba di-Brunei tengah hari Sabtu lepas dari United Kingdom, sa-telah mengadakan rundingan dengan pegawai2 kerajaan British mengenai dengan perhubungan masa depan Brunei dengan Britain.

Turut menyertai rombongan itu, ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah.

Lain2 ahli dalam rombongan itu ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja, Dato Utama, Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri, Dato Seri Utama, Awang Haji Ibrahim; Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja, Dato Utama Awang John Lee; Peguam Negara, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja, Dato Utama, Awang Idris Talog Davies; Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raja, Dato Setia, Dr. P.I. Franks; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja, Pengiran Anak Chuchu, dan Pehin Orang Kaya Perdana Indera, Dato Seri Laila Jasa.

(Lihat Muka 8)



Meninjau projek2 perkembangan

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail semasa beliau memangku jawatan Menteri Besar dalam bulan lepas telah melawat ka-beberapa tempat untuk meninjau projek2 perkembangan2 yang sedang di-laksanakan.

Pada 23 Nobember Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara telah melawat ka-beberapa buah jabatan2 di-Tutong dan Seria dan meninjau projek jalan raya baru Labi yang sedang dalam pembenaan serta keadaan penduduk2 di-kawasan mukim tersebut.

Pada 24 Nobember, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin telah meninjau pula projek pelabohan ayer dalam di-Muara.

Pada 28 Nobember, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara melawat pula ka-Daerah Temburong di-mana beliau melihat beberapa projek perkembangan yang sedang di-laksanakan.

Gambar atas menunjukkan Yang Amat Mulia (No. 2 dari kiri) ketika melawat ka-pusat pertanian di-Puni. Di-kiri sekali ia-lah Pegawai Pertanian di-Daerah Temburong, Awang C. R. Brears, Awang Salleh bin Hidup, Pegawai Daerah Temburong dan Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman. Sementara gambar atas kanan: kerja2 pembenaan jalan raya di-daerah itu sedang di-jalankan. Projek tersebut juga telah di-lawati oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara.

Pepereksaan Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 39 orang bukan Melayu akan mengambil pepereksaan Bahasa Melayu pada 14 Disember, ini.

Pepereksaan itu akan diadakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak Bandar Seri Begawan dan Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria — selama tiga hari.



Hari kelepasan awam — 1971

Awal Tahun Masehi - - - -	Hari Sabtu, 2hb. Januari
Tahun Baru China - - - -	Hari Rabu, 27hb. Januari
*Hari Raya Haji dan hari yang berikut - - - -	Hari Sabtu, 6hb. Februari dan Hari Ithnin, 8hb. Februari (sa-bagai ganti Hari Ahad, 7hb. Februari)
*Awal Tahun Hijrah - - - -	Hari Sabtu, 27th. Februari
*Maulud - - - -	Hari Sabtu, 8hb. Mei
Hari Ulang Tahun Askar Melayu Di-Raja - - - -	Hari Ithnin, 31hb. Mei
Hari Keputeraan Baginda Queen - - - -	Hari Sabtu, 12hb. Jun
Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan - - - -	Hari Khamis, 15hb. Julai
*Me'raj - - - -	Hari Sabtu, 18hb. September
Hari Perlembagaan - - - -	Hari Rabu, 29hb. September
*Awal Ramadhan - - - -	Hari Khamis, 21hb. Oktober
*Memperingati Nuzul Al-Quran - - - -	Hari Sabtu, 6hb. Nobember
*Hari Raya Puasa dan hari yang berikut - - - -	Hari Sabtu, 20hb. Nobember dan Hari Ithnin, 22hb. Nobember (sa-bagai ganti Hari Ahad, 21hb. Nobember)
Hari Kerismas dan hari yang berikut - - - -	Hari Sabtu, 25hb. Disember dan Hari Ithnin, 27hb. Disember (sa-bagai ganti Hari Ahad, 26hb. Disember)

* Terta'alok kapada perubahan.

Lagi sa-orang anak tempatan lulus ilmu kedokteran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah mempunyai doktor tempatan yang ke-lima berikutan dengan kembali-nya baru2 ini dari Britain, Dr. Samuel Yap Kai San dengan memperoleh ijazah MB-CHB dan Primary F.R.C.S. dari Scotland.

Tiga doktor yang lain — Dr. Sherlock Chin, Dr. Joseph Lim dan Dr. Mohamed Hussein bin Daud kini berkhidmat di-Rumah Sakit Besar, Brunei sementara sa-orang lagi Dr. Johar bin Haji Nordin sedang meneruskan pengajian-nya untuk mengambil diploma dalam Kesihatan Awam Tropical di-Universiti London.

Dr. Yap Kai San telah lulus dengan mendapat ijazah MB-CHB dari University of Leeds dalam tahun 1968.

Sa-telah itu beliau berkhidmat selama sa-tahun di-Saint James Infirmary di-Leeds sa-bagai surgical houseman.

Dr. Yap telah mengambil pepereksaan rendah bagi surgical fellowship College Di-Raja bagi Physician dan Surgeon of Glasgow dalam bulan Oktober tahun ini.

Beliau ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan dan penuntut di-United Kingdom dengan biasiswa kerajaan Brunei.

Dr. Yap Kai San juga telah menjadi penolong pensharah di-bahagian anatomi University Glasgow semasa dia mengambil ijazah Primary FRCS di-universiti tersebut.

Latehan tentera di-kawasan Sungai Lumut

LUMUT. — Pasokan 2/2 King Edward's Own Gurkah Rifle sedang menjalan kan latehan di-kawasan Ulu Sungai Lumut, Selatan Sungai Mau.

Mulai hari Isnin lepas peluru2 hidup di-gunakan di-kawasan2 yang berhampiran sa-hingga 13 Disember.

Latehan yang sama akan di-adakan lagi di-kawasan yang sama dari 23 Disember hingga 31 Disember. Satu lagi latehan di-kawasan yang sama akan di-adakan dari 1 Januari hingga 4 Januari tahun 1971.

Bendera2 merah akan di-kebarkan di-jalan masuk ka-kawasan itu.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya jangan masuk ka-kawasan itu semasa latehan kerana bahaya.

BARANG di-ketahui bahawa tiap2 perkara kebajikan akan di-balas dengan baik dan begitu juga sebaliknya. Sa-bagai mana tersebut dalam Al-Quran surah Al-An'am ayat 160 yang bermaksud:

"Siapa2 yang beramal atau mengerjakan kebajikan, dia akan di-balas dengan sa-puluh kali ganda dan siapa2 yang berbuat kejahatan, maka dia akan di-balas dengan serupa banyak kesalahan itu di-lakukan dan mereka tidak akan di-rugikan".

Kita semua baru saja lepas daripada mengerjakan fardhu puasa bulan Ramadhan dan siap2 yang telah mengerjakan kewajipan itu dengan baik dan sempurna muga2-lah akan mendapat balasan baik. Dan barang siapa telah menchuai-kan-nya maka sa-sungguh-nya mereka telah rugi, kerana belum di-ketahui bahawa mereka akan mendapati bulan Ramadhan di-tahun akan datang.

Dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Jabir daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Pada akhir zaman menangis-lah langit, bumi dan malaikat, sebab kerugian di atas umat nabi s.a.w. Maka di-tanya apakah kerugian itu ya Rasulullah? Sabda Rasulullah "Kerana pemergian Ramadhan sebab segala do'a pada-nya mustajab, sedekah2 di-terima, kebajikan di-ganda dan 'azab di-angkat".

Jika pemergian Ramadhan, langit, bumi dan malaikat ber-

Tiap2 perkara kebajikan akan di-balas dgn. baik

KHUTBAH JUMA'AT

asa sedih dan kesedehan itu ia-lah kerugian kapada kita semua umat Nabi Mohammad. Ada-lah perkara ini kita sedari atau merasa sa-bagaimana yang di-rasa oleh malaikat?. Ya, tiap2 umat Islam akan merasa jika mereka itu tahu dan faham akan kelelahan bulan Ramadhan, sa-balek-nya pula ada yang merasa senang hati apabila Ramadhan telah meninggalkan kita, kerana mereka tidak lagi payah menahan hawa nafsu sa-bagaimana mereka telah kerjakan di-bulan Ramadhan. Pada dhair-nya ada-lah betul, tetapi di-sebalek-nya kita telah rugi dalam mengambil kelelahan di-sisi Allah jika di-bandingkan dengan kelelahan yang kita dapati di-bulan Ramadhan dan bulan2 lain.

Maka oleh itu-lah siapa2 yang telah mengambil peluang membanyakkan ibadat di-bulan puasa telah mendapat keuntungan muga2 Tohan akan memberi ganjaran dengan apa yang telah di-terang-

kan oleh Rasulullah s.a.w. itu.

Walau bagaimana, dalam bulan Shawal ini ada terdapat ibadat puasa sunat yang mana di-namakan 'puasa enam'. Maka siapa2 yang mengerjakan puasa enam ini sa-lepas mengerjakan puasa Ramadhan sa-olah2 dia puasa sepanjang2 tahun. Dan puasa sunat Shawal ini boleh di-kerjakan sa-lagi ada bulan Shawal dan yang lebeh afdal ia-lah puasa sa-sudah hari raya.

Oleh yang demikian siap2 yang berkhendakan peluang ini hendak-lah mengerjakan sa-belum akhir bulan Shawal, muga2 kita akan bahagia dan mendapat keuntungan di-akhirat. Amin ya rabul alamin.

Derma dari orang ramai di-perlukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei telah mengusahkan bagi mengeluarkan surat2 untuk meminta derma kapada pegawai2 kerajaan, orang2 perseorangan dan peratuan2 belia di-negeri ini.

Derma di-pohonkan itu ia-lah untuk menampung perbelanjaan sa-banyak \$6,340.00 untuk sa-ramai 26 orang bakal2 haji Brunei yang tergendala dari menunaikan haji tahun lalu di-sebabkan wabak penyakit kolera.

Bakal2 haji yang terlibat itu ingin meneruskan nait mereka untuk menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Penyelenggara Muzium Brunei, Pengiran Sharifudin bin Pengiran Metali merupakan orang yang pertama menderma sa-banyak \$500.00 untuk tabung haji itu.

Sa-orang juruchakap bagi Jemaah Penasehat Haji itu menyeru orang ramai terutama kaum muslimin supaya mengulorkan derma dengan ikhlas hati untuk menampung perbelanjaan itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Dis. 1970 hingga ka-hari Selasa 15 Dis. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
9 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	
10 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	
11 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
12 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
13 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
14 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
15 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Peraduan mengarang chermen DBP mendapat sambutan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan mengarang chermen anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah ditutup pada minggu lalu.

Ini telah di-umumkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Peraduan menulis chermen yang terbahagi kapada dua peringkat itu telah di-umumkan sejak bulan Ogos yang lalu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menjelaskan bahawa sambutan dari penulis2 tempatan ada-lah sangat2 menggalakan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berharap agar sambutan sa-umpama itu akan dapat di-kekalkan.

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja berkata peraduan menulis chermen ini akan diteruskan dari sa-masa ka-masa untuk memupok perkembangan bahasa dan kesusteraan tempatan.

Keputusan peraduan itu akan di-umumkan sa-lewat2 akhir bulan Januari 1971.

18 orang memohon sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei menerima 18 orang chalon untuk di-pilih sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji dalam kapal terbang awal tahun depan.

Dua orang dari chalon2 yang akan di-pilih untuk bertugas menguruskan jemaah2 haji Brunei pergi dan balek sa-telah menunaikan fardhu haji.

Bagaimana pun Pegawai Ke-

bajikan Haji Brunei dalam kapal laut 'Anshun' tidak terpileh tahun ini kerana telah dipenohi oleh chalon dari Sarawak dan Sabah.

Lebeh dua ratus orang bakal haji Brunei yang akan pergi dengan kapal terbang pada tahun ini. Bakal2 haji itu di-jadualkan bertolak ka-Singapura pada 9 dan 10 Januari.

Sementara itu jemaah2 haji Brunei yang belum lagi men-

jelaskan wang tambang mereka hendak-lah menyerahkan kapada Sharikat Pelanchongan Kalimantan Brunei dengan segera dan tidak lewat dari 15 Disember ini.

Mereka yang belum lagi menyerahkan paspot hendak-lah menghantar kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan segera yang kemudian paspot2 itu akan di-kirim ka-luar negeri bagi mendapatkan visa.



9hb. Disember, 1970.

LAGI MASAALAH FITRAH

Hampir 2 sa-jumlah \$27,000.00 dari wang fitrah penduduk Islam di-Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini telah dikutip oleh 'amil2 yang di-lantik oleh Kerajaan dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Jumlah itu hanya sa-takat yang di-kutip dari Daerah Brunei dan Muara saja dan jumlah besar kutipan dari seluruh negeri yang mengandungi semua daerah ia-itu Brunei/Muara, Belait/Seria, Tutong dan Temburong belum lagi diketahui.

Islam telah mewajibkan setiap penganut2-nya supaya berzakat sa-bagai salah satu rukun Islam yang lima dan telah diketahui oleh Umat Islam sendiri bahawa zakat fitrah itu ada-lah kemunchak pada membersekan diri sa-telah menjalani ibadah puasa sa-lama sabulan pada tiap2 tahun.

Pada umum-nya tujuan2 zakat fitrah itu ada-lah untuk melaksanakan tanggung-jawab kita antara sa-sama Islam bagi melaksanakan usaha2 yang berkebaikan sa-umpama membantu saudara2 kita yang kurang bernasib baik dan melarat dan sa-bagai-nya.

Jumlah yang di-sebutkan diatas jika di-bandingkan dengan ramai penduduk Islam di-daerah tersebut, maka ternyata maseh ramai yang tidak menyerahkan fitrah mereka kepada 'amil2.

Menyebut dalam bahagian ini, maka ada-lah di-kesalkan sekali tentang ada-nya sikap beku dari saudara2 kita yang maseh enggan menyerahkan zakat fitrah mereka kepada 'amil2 sama ada ketika 'amil2 itu berkunjung ka-rumah mereka atau sa-balek-nya.

Dan, yang lebeh menyenangkakan lagi ia-lah "gagah-nya" sa-bilangan yang dapat di-katakan ramai juga di-antara saudara2 kita itu yang maseh melaksanakan zakat fitrah itu dengan chara lama ia-itu menujukan zakat fitrah mereka kepada orang2 yang mereka sukai atau yang di-sebut mereka sa-bagai menurut keringanan hati masing2.

Majlis Ugama Islam Negeri Brunei melaksanakan usaha2 mengutip zakat fitrah dengan melalui 'amil2 itu ada-lah untuk melancarkan kegiatan2 yang lebeh praktis bukan hanya untuk membolehkan keseluruhan fakir miskin dan orang2 yang berbak menerima zakat fitrah itu dengan pembahagian yang lurus, tetapi juga telah difikirkan kegiatan2 yang lain untuk kebaikn masa depan umat Islam di-negeri ini.

Dengan hal yang demikian, maka dari satu sudut yang lain bahawa fitrah kita yang hanya lebeh satu ringgit pada tiap2 sa-orang itu merupakan satu sumbangan besar untuk keperluan Umat Islam di-negeri ini, di-samping satu kewajipan yang mesti kita tunaikan sa-bagai sa-orang Islam.

RENONGAN DARI TITAH D. Y. M. M.

UMAT Islam di-negeri ini, keseluruhan-nya telah melalui Hari Raya Fitrah sa-bagai hari kemenangan sa-telah melalui ibadah puasa. Bagi orang2 yang beriman dan benar2 bertakwa atas perintah2 Allah, maka hari kemenangan itu di-rasakan suatu nikmat yang tiada tara-nya, sekalipun bagi orang2 yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Orang2 yang mewah hidup-nya menyambut dengan segala yang ada sesuai dengan kemewahan-nya dan bagitu juga dengan keadaan orang2 yang kurang bernasib baik menyambut hari mulia itu dengan ala kadar yang terdaya oleh-nya. Namun demikian, ada-lah tetap diyakini bahawa kegembiraan dan keserunokan menyambut Aidil Fitri itu telah di-nikmati dengan sa-besar2 nikmat oleh kalangan orang2 yang beriman dan bertakwa atas titah perintah Allah tidak kira kaya dan miskin.

Bagi raayat Brunei, maka tidak-lah sebanding dengan hidangan2 yang tersaji di-tiap2 rumah dengan hidangan2 halua telinga pada sepanjang sambutan Hari

Raya tahun ini. Di-sini, tidak-lah di-maksudkan dengan hanya ranchangan2 radio yang berbentok hiburan, tetapi ia-lah dengan perutusan2 penting yang di-khususkan kepada raayat negeri ini. Perutusan2 atau ucapan2 hari raya itu, bagi orang2 yang bijak dan merasakan sama2 bertanggung-jawab terhadap bangsa, negara dan agama akan menjadikan perutusan2 demikian sa-bagai bahan utama di-hidangkan kepada pemikiran masing2.

Titah Hari Raya, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membayangkan rasa dukachita Baginda kerana tidak dapat sama2 berhari raya dengan raayat Baginda seperti yang biasa-nya di-lakukan.

Pada mula-nya Baginda dan rombongan di-jadualkan berangkat pulang ka-tanah ayer sa-belum Hari Raya tiba dengan hasrat Baginda untuk sama2 menyambut Hari Raya dengan raayat Baginda pada tahun ini. Tetapi oleh kerana sesuatu perkara yang menyebabkan perundingan itu di-lanjutkan, maka Baginda dan rombongan terpaksa berada di-London sa-hingga sa-lepas Hari Raya. Ini tidak-lah bermaana Baginda lebeh memberatkan kepada soal2 negara sahaja bahkan Baginda juga mementingkan soal raayat yang kebahagiaan dan kesentosaan mereka ada-lah merupakan pokok utama bagi Baginda.

Hari Raya hanya merupakan satu perkara yang kekal dan Hari Raya pasti timbul pada saban tahun. Selagi ada hayat kita, maka selagi itu-lah kita maseh mempunyai peluang yang luas untuk menikmati Hari Raya.

Tetapi bagi satu2 perkara yang hanya merupakan dan bergantung kepada peluang2 yang timbul, apa lagi perkara yang berkait rapat dengan soal2 nasib masa depan negara

dan raayat, ada-lah satu titek yang tidak bijak untuk di-renungkan. Satu saat kita terlewat, maka ia-nya serba mungkin menjadi kita menderita kerugian yang bagitu besar, sedangkan kerugian itu tidak di-ingini oleh sa-siapa pun. Saperti yang kita maalam bahawa Baginda dan Kerajaan Baginda menjadikan "kebahagiaan dan kesentosaan" untuk negara dan raayat sa-bagai satu hasrat dan dasar yang paling utama. Baginda bertitah:

"Soal berhubung dengan negeri ada-lah soal yang amat penting pada kita semua — pada merenongkan kebahagiaan di-masa hadapan kita semua. Soal penting itu-lah juga membawa beta berangkat untuk berunding dengan sahabat beta yang paling ikrah ia-itu United Kingdom".

Kelimat "kita semua" saperti yang di-titahkan Baginda itu ada-lah membawa pengertian menyeluruh kepada semua lapisan raayat.

Oleh itu, maka kelimat yang berbunyi "merenongkan kebahagiaan di-masa hadapan kita semua" tidak shak lagi ada-lah semata2 untuk kebahagiaan raayat dan negara. Keberangkatan Baginda dan rombongan itu ada-lah memperjuangkan kebahagiaan dan meninggikan nilai2 kebahagiaan itu untuk terus-menerus kita nikmati bersama. Berthabit dengan ini, maka sudah tentu pula kita ingin mendengar supaya kelimat kejayaan mengiringkan perjuangan Baginda dan rombongan itu. Untuk ini, Baginda bertitah:

"Insha Allah, dengan keizinan-nya, Allah Subhana-hu Wa-taala, segala usaha2 itu akan mendapat kejayaan, dan keselamatan serta ketenteraman dalam Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai akan terjamin".

Titah Baginda ini-lah merupakan hidangan yang tiada tara-nya ketika kita bersuka-



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

ria menyambut Hari Raya. Baginda telah memberikan satu bayangan cherah tentang kejayaan itu dan semua telinga raayat yang mendengar titah Baginda itu telah "melabokkan" kegembiraan yang bukan kepalang, kerana keselamatan dan ketenteraman dalam Negeri Brunei Darussalam yang kita chintai ini akan terus terjamin.

Tetapi bagaimana-kah sikap kita pula? Ada-lah kita maseh membiarkan diri — leka dengan kebahagiaan tanpa usaha2 yang penoh nekad untuk membantu pada mencerahkan hasrat Baginda itu? Maka untuk ini pula, mari-lah kita renongkan titah Baginda yang berbunyi:

"Negeri Brunei Darussalam sedang dan akan terus memasuki satu kehidupan yang mengandungi beberapa sifat dan churak yang belum pernah kita alami pada dulu2-nya. Kehidupan dan sistem negeri kita yang terchintai ini hendaknya-lah di-sesuaikan dengan keabdhalan laila perkembangan2 di-dalam negeri, terutama sekali yang berkaitan dengan kemajuan, laila perusahaan, amal laila ibadah baik di-segi sains dan teknologi, atau sama ada dari segi metarial, lebeh2 lagi dalam bidang berjenis2 ikhtiar yang di-terima oleh laila fikiran dan di-redhai Tohan. Ka-arrah inilah kita menuju dan pada menunjukan negeri kita Brunei Darussalam".

Titah Baginda ini merupakan satu peringatan kepada kita semua untuk benar2 menyedari akan chabaran2 bagi tiap2 diri kita sa-bagai raayat yang mengakui Brunei sa-bagai tumpah mereka dan harus menchari saloran2 untuk menchurahkan derma-bakti untuk bangsa, agama dan negara kita terchintai ini. Titah Baginda lagi:

(Lihat Muka 5)

Kira2 \$27,000.00 dari wang fitrah di-kutip di-Daerah Brunei - Muara

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah mengutip wang fitrah sa-banyak hampir2 \$27,000 dari 39 kawasan untok 746 kelamin di-Daerah Brunei/Muara dalam bulan puasa baru2 ini.

Wang fitrah itu telah di-kutip oleh Amil2 yang di-lantek oleh Majlis Ugama Islam terdiri dari kaki tangan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sa-banyak \$13,425.46 telah di-serahkan kepada Asnaf2 yang terdiri dari fakir, miskin dan mualaf di-kawasan2 itu dan sa-banyak \$8,943.36 dari jumlah kutipan itu di-serahkan kepada kumpulan wang zakat fitrah yang di-tadbirkan oleh Majlis Ugama Islam.

Wang sa-banyak \$8,943.36 itu ada-lah bahagian2 Asnaf2 terdiri dari orang2 musafir dan orang2 berhutang telah di-jadikan kumpulan wang zakat-fitrah di-serahkan kepada Majlis Ugama Islam. Sementara bahagian Asnaf2 ia itu orang2 perang sabil dan hamba yang akan di-merdekan telah di-tiadakan yang kemudian bahagian2 itu ditambah kepada kumpulan Asnaf2 fakir, miskin dan maulaf.

Amil2 yang bertugas telah mendapat bahagian sa-banyak \$4,475.15 dari wang kutipan2 itu dan hitong panjang pendapatan Amil2 tiap2 sa-orang pukol rata antara empat puluh ringgit dan tujoh puluh ringgit ia itu mengikut kadar ramai kawasan.

Sementara itu sa-banyak \$8,644.89 dari 973 orang kelamin di-Seria dari Kampong Perpindahan Baru di-Badas hingga ka-Lurong 14 Panaga telah di-kutip.

Sa-banyak \$4,678.44 telah di-bahagikan kepada 100 orang kelamin dari jumlah pendaftaran 160 orang sabagai orang2 yang berhak menerima fitrah itu.

Hitong panjang tiap2 satu kelamin telah menerima dua puluh lapan hingga tiga puluh lima ringgit.

Sa-banyak \$1,559.48 di-serahkan kepada Amil2 yang bertugas di-kawasan2 itu yang di-ketuai oleh Imam Mesjid Seria, Haji Yusof bin Munjil sementara \$3,118.96 di-serahkan kepada Majlis Ugama Islam.

Berchakap mengenai Kumpulan wang zakat-fitrah yang di-serahkan kepada Majlis


Ugama Islam, juruchakap itu menerangkan kegunaan wang kumpulan itu ia-lah bertujuan untok membantu orang2 Islam dalam kesusahan yang tidak berdaya upaya dan lain2 kegiatan semata2 tujuan amal.

Menyebut mengenai musafir, Juruchakap itu menegaskan lagi akan kejadian2 pernah berlaku baru2 ini.

Sa-orang pemuda dari Sabah-Malaysia bernama Nawawi bin Isa bertugas di-Sabah Land Development Board Sandakan telah kehilangan bag duit semasa berada di-negeri ini.

Beliau membuat lawatan dari Miri yang kemudian singgah di-Brunei. sa-belum pulang ka-Sabah semasa Hari Raya baru2 ini.

Hal mengenai kesusahan yang menimpa diri-nya kerana kehilangan wang dan untok pulang ka-Sabah telah di-adukan kepada Majlis Ugama Islam Negeri Brunei yang kemudian Majlis itu telah mengeluarkan bantuan dengan membelikan tiket kapal terbang dan wang saku sa-banyak \$10.00 untok pemuda itu pulang ka-Sabah. Wang tersebut telah di-ambil dari kumpulan wang zakat-fitrah.



Empat merinyu haiwan berlateh di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN.—Empat orang merinyu haiwan dari Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untok menjalani latehan selama tiga bulan berkenaan dengan tugas haiwan.

Mereka ia-lah Awangku Yusof bin Pengiran Ahmad, Awangku Omar bin Pengiran Damit, Awang Zainal bin Sahak dan Awang Yunus bin Jamil (gambar atas).

Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam berkata ke-

empat2 orang merinyu itu akan bertugas di-bawah arahan Jabatan Haiwan Singapura untok mendapat pengalaman luar.

Mereka juga akan di-beri latehan praktikal chara2 memeriksa daging dan kesihatan pelabohan.

Awang Subramaniam berkata sa-lepas latehan di-Singapura itu, mereka akan pergi ka-Malaysia Barat untok menjalani latehan selama enam bulan di-jabatan2 haiwan di-Malaysia.

Renongan dari titah D.Y. M. M.

(Dari Muka 4)

“Dengan sebab itu Kerajaan Beta sentiasa mengamati2 raayat beta dari sa-genap peringkat terhadap persesuaian masing2 pada mempermainkan peranan-nya bagi mengelakkan kebajikan dan berkebajikan. Demikian juga — menegah atau melarang membuat kejahatan dan melarang membuat perbuatan yang akan mendatangkan kejahatan Negeri Brunei Darussalam yang mempunyai laila isi dalam

nya”. Kemudian Baginda menunjukan titah:

“Khas bagi pegawai2 Kerajaan, beta ingin mengingati bahawa pegawai2 Kerajaan ialah sa-bagai jentera pentadbiran Negeri Brunei Darussalam ini — pada menchapai dan memperkembangkan — dengan izin Tohan Brunei kekal menjadi sa-buah negeri adil bahagia, patoh kepada undang2 dan peratoran — mendalami pelajaran Ugama Islam yang sentiasa menyuruh mem-

buat bagi melailakan langkah pembawaan semata2 untok memancharkan dan mengharumkan nama baik Negeri Brunei Darussalam”.

Demikian harapan Baginda yang khusus di-tujukan kepada pegawai2 Kerajaan yang di-sifatkan sa-bagai jentera pentadbiran untok menchapai dan memperkembangkan Brunei kekal menjadi sa-buah negeri adil bahagia, patoh kepada undang2 dan peratoran, mendalami pelajaran Ugama Islam dan menimbulkan pembawaan2 yang dapat mengharumkan nama baik Negeri Brunei Darussalam.

Memang sudah menjadi hakikat di-mana2 jua pun bahawa pegawai2 kerajaan ada-lah merupakan chermin yang dapat memberikan gambaran2 yang menjadi pegangan pada banyak hal yang berkait rapat dengan usaha2 kerajaan dan nama baik negara.

Pada umum-nya, harapan Baginda itu bukan hanya mesti di-ambil berat oleh pegawai2 kerajaan, tetapi juga semua pehak yang mengaku bahawa Brunei Darussalam ini ada-lah tanah ayer-nya. Bila sudah pengakuan di-lapadzkan, maka dengan sendirinya kita bersedia menchurahkan khidmat dengan penoh kezaman, kejujuran, keikhlasan yang semata2 untok negara, tumpah darah kita sendiri. Mudah2an khidmat kita itu di-berkati oleh Allah..... Amin.

Perkhidmatan Iban dan Dusun

BANDAR SERI BEGAWAN.—Radio Brunei telah memulakan perkhidmatan warta berita tempatan dalam bahasa Iban dan Dusun mulai minggu ini.

Perkhidmatan warta berita kedua2 bahasa itu di-siarkan sa-lepas warta berita bahasa Melayu dan ia-nya boleh di-dengar melalui gelombang2 sederhana 242, 273 dan gelombang pendek 61.6 meter.

Perkhidmatan Dusun di-kendalikan oleh dua orang kaki tangan kerajaan yang ter-

diri dari Awang Weston Keasbery dan Awang Lunchai bin Uking sementara Awang Nelson Janting, sa-orang guru di-Sekolah St. Andrew, Bandar Seri Begawan mengelolakan perkhidmatan Iban.

Tujuan mengadakan kedua2 perkhidmatan ini ia-lah untok memudahkan pendengar2 di-kawasan2 pendalaman khususnya dan seluruh masyarakat Iban dan Dusun di-negeri ini, untok mengikuti perkembangan2 yang berlaku dalam negeri termasuk projek2 yang di-laksanakan oleh kerajaan.

Pepereksaan2 trengkas, menaip 11 Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 165 orang chalon akan mengambil pepereksaan trengkas dan menaip pada hari Jumaat, 11 Disember, 1970.

Pepereksaan yang di-anjorkan oleh Trengkas Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.

Sa-ramai 79 orang akan mengambil pepereksaan trengkas dan 86 orang chalon akan mengambil pepereksaan menaip.

Sa-ramai lapan orang lagi akan mengambil pepereksaan trengkas permulaan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada pagi itu.

Sementara itu sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, chalon2 yang mengambil dua pepereksaan ia-itu trengkas dan menaip, hendak-lah mengambil pepereksaan menaip permulaan pada jam 8.00 pagi dan pepereksaan trengkas permulaan pada jam 10.00 pagi.



GAMBAR atas menunjukkan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan sedang menyampaikan derma kepada salah sa-orang anak yatim di-daerah itu.

Penyampaian derma itu telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia, Kuala Belait sebelum menjelang hari raya yang lalu.

Derma yang di-kutip dari orang ramai itu telah di-kelolakan oleh Persatuan Gerakan Masharakat, Kuala Belait.

Persidangan2 Majlis Mashuarat Daerah

KUALA BELAIT. — Persidangan2 majlis2 mashuarat Daerah Belait dan Tutong telah bersidang pada minggu lalu di-daerah masing2.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan telah di-adakan pada hari Khamis, 3 Disember, 1970 sementara persidangan majlis mashuarat Daerah Tutong yang di-pengerusikan oleh Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh di-adakan pada hari Sabtu, 5 Disember.

Tidak ada usul di-kemukakan dalam kedua2 majlis tersebut.

SATU rombongan anggota2 Pulis Di-Raja Brunei yang telah menjalani latihan ulang kaji di-Sekolah Latihan Pulis telah melawat ka-beberapa jabatan kerajaan sa-bagai menamatkan latihan selama lapan minggu.

Gambar kiri menunjukkan rombongan Pulis tersebut ketika melawat Bilek Berita, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan.

Sambutan2 Hari Raya Aidil Fitri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERWIRA akan mengadakan 'Malam Aidil Fitri' pada 11 Disember, 1970 mulai jam 7.30 malam bertempat di-Dewan Puspa di-Kampung Sungai Pandan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyatakan sambutan itu di-adakan bagi kali yang keempat bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Berbagai2 achara hiburan akan di-persembahkan pada malam itu termasuk nyanyian2 dari juara bintang2 radio tanah ayer serta penyanyi2 undangan.

Orang ramai terutama penduduk2 Kampung Sungai Pandan dan kampung2 di-sekitarnya ada-lah di-persilakan menyaksikan pertunjukan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon Kerajaan bersempena menyambut Hari Raya Aidil Fitri ini akan menganjorkan 'Malam Aidil Fitri' pada hari Jumaat 25 Disember, 1970 mulai jam 7.30 malam bertempat di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Antara achara yang akan di-adakan pada malam itu ialah pertandingan kugiran yang terbuka kepada kugiran tanah ayer.

Kugiran2 yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut boleh mendapatkan borang dan syarat2 bertandingan daripada Dk. Rani binte Pengiran Hashim di-Pejabat Pos, Bandar Seri Begawan dan Awang Ibrahim bin Yusof di-Pejabat Talikon.

Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 21 Disember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Jawatan-Jawatan Kosong

Sa-bagai Penolong Pengajar di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi kekosongan2 yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Penolong Pengajar (Aliran Inggeris) seperti berikut, di-kehendaki dengan seberapa awal yang boleh dalam tahun 1971.

- Kenderaan Bermotor;
- Pemasangan dan Penggunaan Mesin;

- Pemasangan Letrik/Fitting;
- Fabrication/Welding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — B\$440x20-660x30-840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2, Latehan, Pengalaman:
(a) **Penolong Pengajar Kenderaan Bermotor.**

- Mesti-lah telah menjalani

latehan apprenticeship sa-bagai mekanik kenderaan.

- Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-telah menamatkan latehan apprenticeship tersebut.

- Mesti-lah lulus peperiksaan2 City and Guilds — No. 168 Motor (Vehicle Mechanics' Work Parts I and II atau No. 170 Motor Vehicle Technicians' Work Parts I and II atau Lulus REME. Artificer Vehicle Course.

- Pertimbangan akan di-beri kepada bekas Mekanik Kenderaan Askar (Sergeant regular) dengan kelulusan Sijil Pelajaran Askar — Ilmu Hisab, Lukisan Teknikal dan Sain.

- Penolong Pengajar Pemasangan dan Penggunaan Mesin.**

- Mesti-lah telah menjalani latehan apprenticeship sa-bagai Fitter/turned.

- Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam bidang perusahaan sejak menamatkan latehan apprenticeship.

- Mempunyai kelulusan yang di-akui dalam kejuruteraan mekanik atau lulus peperiksaan City and Guilds — No. 193 Mechanical Engineering Craft Practice Parts I and II atau No. 393 Sijil Tahun Pertama dalam Engineering Crafts.

- Pertimbangan akan di-beri kepada bekas Fitter/Turner Askar (Sergeant regular) dengan kelulusan Sijil Pelajaran Askar — Ilmu Hisab, Lukisan Teknikal dan Sains.

- Penolong Pengajar Pemasangan Letrik/Fitting.**

Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latehan apprenticeship atau latehan rasmi dalam Pemasangan Letrik atau Kejuruteraan Letrik/Elektronik dan memperoleh sijil kelayakan yang di-akui dalam bidang tersebut. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai sijil City and Guilds Final dalam perkara2 letrik. Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Tali-kom boleh juga memohon.

- Penolong Pengajar Fabrication/Welding.**

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman dalam bidang perusahaan. Umur sa-baik2-nya lebih dari 25 tahun. Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds: No. 360 Fabrication Engineering Craft Practice Parts I and II atau No. 176 Fabrication of Steelwork Advanced atau No. 323 Welding Craft Practice Part I and II atau No. 74 Welding Advanced atau No. 66 Sheet Metal Work Advanced.

Sharat2 Lantekan:

Calon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Bagi calon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi seorang calon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti dipohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 ajuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Disember, 1970.

DI-JABATAN PELAJARAN

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

(a) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II

— satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan.

— satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sedikit pengalaman dalam kerja2 setor.

Tugas2:

Menerima dan menyimpan perkakas2 dan bahan2 pertukangan yang di-beli dan membekalkan-nya ka-wokshop2 latehan. Membeli serta membuat pesanan2 untuk barang2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2-3 — \$270x15—360x20—480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III

— Bagi sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:—

- City and Guilds Certificate in Mechanical Engineering craft Practice Parts I and II.
- Trade Test in Fitting yang di-akui.

Pengalaman:

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 fitting kejuruteraan.

Tugas2:

Calon2 yang berjaya akan di-kehendaki memperbaiki dan memelihara semua mesin2, alat dan perkakas2 tangan yang di-gunakan dalam sekolah yang meliputi mesin2 pertukangan kayu, builders plant (pembanchoh simen, dll), alat2 pertukangan paip, alat2 penyambor, perkakas tangan (pertukangan kayu, batu bata, paip, mengchat), alat2 dapur, kenderaan bermotor serta membantu dalam kerja2 memelihara bangunan2 sekolah tersebut. Mereka tidak di-kehendaki memperbaiki kerosakan2 letrik.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2-3 — \$270x15—360x20—480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) STEWARD

— satu jawatan di-sekolah Pertukangan Pembangunan, Ban-

dar Seri Begawan.

— satu jawatan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Hendak-lah mempunyai pengalaman menyelia pekerja2 dan sa-baik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Tradesman dalam Pembangunan dan Kejuruteraan.

Tugas2:

Menyelia dan menyelaraskan tugas2 pekerja di-bawah arahan-nya. Menjalankan pemeriksaan terhadap jentera2, bangunan2 dan kawasan sekolah dan membuat lain2 pekerjaan sebagaimana yang di-arahkan oleh Pengetua sekolah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.3 — \$280x10—330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(d) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Tugas2:

Menerima dan menyimpan perkakas2 dan bahan2 pertukangan yang di-beli dan membekalkan-nya ka-wokshop2 latehan. Menjaga stockbooks.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1—2 EB 3 — \$200x10—270/EB/280x10—330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Calon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Bagi calon2 yang berjaya terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang calon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti dipohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 15hb. Disember, 1970.

Sa-bagai Tukang Lukis

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Tukang Lukis di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan Form I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam Pejabat Lukis Akitek atau Jurutera.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1—2 EB 3 — \$200x10-270/EB/280x10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti dipohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 23hb. Disember, 1970.

\$336.00 di-kutip untuk Tabung Anak2 Yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengutip \$336 dari ranchangan permintaan lagu2 melalui talipon yang diadakan pada Hari Raya Aidil Fitri lepas.

Wang2 kutipan itu akan didermakan kepada tabung

anak yatim Daerah Bunei/Muara.

Sa-banyak \$114 dari kutipan itu ada-lah di-terima dari permintaan melalui talipon.

Dan lain-nya di-terima dari peminat2 yang menghantarkan kad2 lagu permintaan.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir; Pehin Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Taha (di-tengah2) dan Major Sulaiman (di-kiri sekali) sa-belum berlepas ka-Kota Kinabalu kelamari.


Pengakap2 hadhiri perkhemahan di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Jaya bin Abdul Latif, sa-orang pegawai pentadbir, bagi pehak Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah menyerahkan bendera Brunei kepada rombongan pengakap Negeri Brunei menghadhiri Perkhemahan Jubli Intan Pengakap2 Singapura.

Penyerahan itu di-langsungkan di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum rombongan itu berlepas ka-Republik itu pada hari Sabtu lepas. Rombongan yang mengandungi 10 orang itu di-ke-tuai oleh Awang Mohamad Taib bin Othman.

Perkhemahan yang di-adakan selama sa-minggu itu telah di-mulai 7 Disember lepas.

Gambar menunjokkan Awang Jaya sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada Awang Mohamad Taib.



Cheramah tafsir Al-Quran untok umat Islam Brunei mulai bulan Jan. 1970

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-negeri ini yang kurang faham akan ajaran2 agama mereka akan di-beri peluang seluas2-nya untok memahami ajaran2 agama itu apabila Jabatan Hal-Ehwal Ugama melancarkan projek besar-nya ka-araf itu mulai awal tahun hadapan.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengetua Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan-nya di-sambutan muhibbah aaidil-fitri yang di-an-jorkan oleh penduduk2 Kampong Pakilong Muara (Kampong Ayer) baru2 ini.

Dalam ucapan Hari Raya ka-seluruh Umat Islam melalui siaran Radio Brunei pada

malam Hari Raya lepas, Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu telah menekankan berbubong dengan ada-nya Umat Islam sendiri yang berpendirian dingin terhadap Islam sama ada yang di-timbulkan daripada amalan, perbuatan serta sikap dalam menghadapi atau menimbangkan mengenai dengan kepentingan ajaran2 Islam dan shi'ar Islam.

"Untok membantu saudara2 kita itu untok benar2 memahami akan agama mereka ia itu Islam, maka pada tahun 1971 akan di-laksanakan satu langkah agar ayat2 Al-Quran dapat di-fahami oleh orang ramai, khas-nya Umat Islam sendiri," tegas beliau.

Beliau menyatakan bahawa mulai bulan Januari pada tiap2 malam hari Sabtu (malam minggu: menurut panggilan biasa di-Brunei) — di-antara sembahyang maghrib dan isha', satu cheramah mengenai tafsir Al-Quran akan di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu juga berjanji akan menerbitkan segala tafsir2 itu pada tiap2 bulan dalam bentuk perchetakan untok di-sebarkan kepada orang ramai. Penyerahan naskah itu nanti akan di-lakukan dengan cara di-jual.

Beliau percaya bahawa dengan cara yang praktikal ini, maka Umat Islam di-Brunei akan lebih mudah lagi untok memahami akan isi Al-Quran itu.

Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu menyeru Umat Islam supaya berduyun2 datang ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada waktu yang di-tetapkan itu bagi mengikuti penafsiran kitab suci tersebut yang akan di-lakukan dari permulaan kandungan-nya.

Beliau tidak dapat menentukan sampai bilakah penafsiran itu akan selesai, tetapi percaya ia-nya akan memakan masa bertahun2.

DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR KA-AUSTRALIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Lieutenant Colonel Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih telah berlepas ka-Kota Kinabalu dengan sa-buah helikopter Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam perjalanan-nya ka-Australia.

Yang Teramat Mulia akan mewakili pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-upacara perbarisan tamat latehan bagi tiga orang pegawai kadet yang telah tamat latehan di-Sekolah Pegawai2 Kadet di-Portsea, Australia.

Pegawai Kadet itu ia-lah Awang Mohamad Jaafar bin Haji Abdul Aziz, Awang Shari bin Mohammad Ali dan Awang Yahya bin Haji Abdi Manaf.

Yang Teramat Mulia Lieutenant Colonel Pengiran Muda Mohammad Bolkih telah di-iringi oleh Major Sulaiman bin Awang Damit dan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

Antara yang menguchapkan selamat belayar kepada Yang Teramat Mulia dan rombongan termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa, Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 dan Pehin2.

Ketibaan D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

Awang Haji Mohamed Taha bin Haji Bakir.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia dan rombongan di-lapangan terbang Berakas telah di-sambut oleh pembesar2 negara, di-antara-nya termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2, Ketua2 Jabatan, dan Pegawai2 Perkhidmatan Pentadbiran.

Balek ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai lapan orang penuntut Brunei yang belajar di-Sekolah Arab Singapura, pada hari Khamis lepas telah pulang ka-Singapura untok meneruskan pengajian mereka sa-telah berchuti puasa di-tanah ayer.

Mereka ia-lah Lamit bin Ibrahim; Talip bin Apang; Matzain bin Haji Awang; Aliuddin bin Ya'akub; Rosli bin Metussin; Mohamad Lazim bin Metali; Mohamad Zaini bin Talip dan Ibrahim bin Dollah.